# التصريف

**Ilmu tasrif** (morfologi): ilmu yang membincangkan tentang proses perubahan kata / binaan bentuk kata sama ada pengimbuhan, pengguguran, penukaran, penggantian sesuatu huruf.

**Tasrif** terdapat 2 bentuk:

1. Tasrif Istilahi (تَصْرِيْفٌ اِصْطِلاَحِيٌّ), ialah perubahan kata berdasarkan perbezaan bentuk katanya seperti mengubah (فعل ماضي) kata kerja kala lampau menjadi (فعل مضارع) kata kerja kala kini, (فعل الأمر) kata kerja perintah, (فعل النهي) kata kerja larangan, dan seterusnya.
   contoh: (كَتَبَ) – (يَكْتُبُ) – (اُكْتُبْ) – (لاَ تَكْتُبْ)

2. Tashrif Lughawi (تَصْرِيْفٌ لُغَوِيٌّ), ialah perubahan kata berdasarkan bilangan dan jenis pelakunya seperti perubahan dari bentuk (مفرد) kata tunggal menjadi (مثنى) kata dual, menjadi (جمع) kata jamak, dan sebagainya.
   contoh: (كَاتِب) – (كَاتِبَانِ) – (كُتَّابُ)

Asal setiap perkataan dalam Bahasa Arab terdiri daripada **tiga huruf**. Namun begitu, terdapat juga beberapa perkataan yang asalnya adalah **lebih daripada tiga huruf**. Setiap huruf pada perkataan akan mewakili satu huruf daripada neraca timbangan soraf yang dipanggil (المِيْزَانُ الصَّرْفِيُّ). Melalui neraca/kata penimbang ini, kita dapat mengetahui *wazan* (الوَزْنَ) bagi setiap perkataan Arab. Asas bagi *wazan* sesuatu perkataan terdiri daripada huruf **(ف)** mewakili huruf asal yang pertama, huruf **(ع)** mewakili huruf asal kedua dan huruf **(ل)** mewakili huruf asal ketiga, kemudian ianya disatukan menjadi bentuk (فَعَلَ).

Contoh perkataan mengikut *wazan* (فَعَلَ) ialah kata kerja (كَتَبَ) bermaksud ‘tulis’.

- Kata kerja di atas terdiri daripada tiga huruf asli iaitu *kaf, ta* dan *ba*. Huruf *kaf* mewakili huruf *fa’*, huruf *ta* mewakili huruf *ain*, manakala huruf *ba* mewakili huruf *lam*. Bentuk baris juga perlu serasi dengan perkataan asal dengan *wazan*nya.

* Fungsi wazan adalah menerangkan kedudukan sesuatu perkataan dari sudut pengimbuhan, pengguguran, penukaran, penggantian sesuatu huruf atau apa-apa perubahan yang berlaku ke atasnya.

* Huruf-huruf penambah dalam bahasa Arab ialah sepuluh huruf, iaitu: **س أ ل ت م و ن ي هـ ا**

**Soalan**: Kenapa dalam tasrif ini tidak disertakan ‘masdar’ tetapi hanya al madhi dan al mudhori’ sahaja?
**Jawapan**: ini kerana perbezaan di antara bab-bab tasrif adalah pada al madhi dan al mudhori’ dan tasrif ini untuk al Af’al **(الأفعال)** sahaja bukan untuk al Asma’ **(الأسماء)**.

Kata kerja (فعل) merupakan perkataan yang menunjukkan sesuatu peristiwa yang disertai dengan masa tertentu. Ia dapat dibahagikan kepada 3 bahagian:

1. الفعل الماضي (Kata kerja kala lampau)
2. الفعل المضارع (Kata kerja kala kini / akan datang)
3. فعل الأمر (Kata kerja imperative/perintah)

**الفعل الماضي (Kata kerja kala lampau)**

- Kata kerja yang menunjukkan peristiwa pada masa lampau.
- Kata kerja (ماضي) mempunyai pola-pola tertentu berdasarkan kepada situasi penutur (مُتَكَلِّمٌ), kata nama diri kedua (مُخَاطَبٌ), dan kata nama diri ketiga (غَائِبٌ). Kata kerja (فعل) akan berubah mengikut situasi-situasi tersebut.

**الفِعْلُ المُضَارِعُ (Kata kerja kala kini / akan datang)**

- Kata kerja yang menunjukkan peristiwa yang sedang atau akan berlaku. Tanda kata kerja ini boleh dikenalpasti dengan fi'il yang dimulai dengan salah satu daripada empat huruf imbuhan iaitu أ،ن،ي،ت.
- Kata kerja (مُضَارِعٌ) mempunyai pola-pola tertentu berdasarkan kepada situasi penutur (مُتَكَلِّمٌ), kata nama diri kedua (مُخَاطَبٌ), dan kata nama diri ketiga (غَائِبٌ). Kata kerja (فعل) akan berubah mengikut situasi-situasi tersebut

**فِعْلُ الأَمْرِ (Kata kerja imperative/perintah)**

- Kata kerja yang menuntut sesuatu perbuatan dilakukan pada masa akan datang. Ia hanya berlaku pada kata nama diri kedua (مُخَاطَبٌ) sahaja.
- Terdapat beberapa kaedah bagi menukarkan daripada kata kerja (مُضَارِعٌ) kepada (أَمْرٌ)
  i. Jika selepas huruf imbuhan (مُضَارِعٌ) adalah huruf berbaris, huruf imbuhan tersebut perlu digugurkan. Contoh; يُقَاتِلُ – قَاتِلْ
  ii. Jika selepas huruf imbuhan (مُضَارِعٌ) adalah huruf bertanda *sukun (mati)*, huruf imbuhan tersebut perlu digugurkan dan penambahan huruf *hamzah wasal* pada permulaan kata dengan berbaris bawah. Contoh; يَعْلَمُ – اِعْلَمْ

# تصريف الفعل الثلاثي المجرد[1]

## الباب الأول : ( فَعَلَ – يَفْعُلُ )

### تصريف (١٠)

| (١٠)<br>إِسْمُ الآلَةِ<br>Kata nama alatan | (٩)<br>إِسْمُ الزَّمَانِ<br>Kata nama masa | (٨)<br>إِسْمُ الْمَكَانِ<br>Kata nama tempat | (٧)<br>فِعْلُ النَّهْيِ<br>Kata larangan | (٦)<br>فِعْلُ الأَمْرِ<br>Kata perintah | (٥)<br>إِسْمُ الْمَفْعُوْلِ<br>Perkara yang dilakukan | (٤)<br>إِسْمُ الفَاعِلِ<br>Pelaku perbuatan | (٣)<br>الْمَصْدَرُ<br>Kata terbitan | (٢)<br>الفِعْلُ الْمُضَارِعُ<br>Kata kerja kala kini | (١)<br>الفِعْلُ الْمَاضِي<br>Kata kerja kala lampau |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| (مِفْعَلٌ) | (مَفْعَلٌ) | (مَفْعَلٌ) | (لاَ تَفْعُلْ) | (أُفْعُلْ) | (مَفْعُوْلٌ) | (فَاعِلٌ) | (فَعْلاً) | (يَفْعُلُ) | (فَعَلَ) |
| مِنْصَرٌ<br>alat utk menolong | مَنْصَرٌ<br>masa menolong | مَنْصَرٌ<br>tempat menolong | لاَ تَنْصُرْ<br>Jangan menolong | أُنْصُرْ<br>tolonglah | مَنْصُوْرٌ<br>Org yg ditolong | نَاصِرٌ<br>Org yg menolong | نَصْرًا<br>pertolongan | يَنْصُرُ<br>sedang menolong | نَصَرَ<br>telah menolong |
| مِكْتَبٌ<br>Pena | مَكْتَبٌ<br>masa menulis | مَكْتَبٌ<br>meja | لاَ تَكْتُبْ<br>Jangan menulis | أُكْتُبْ<br>tulislah | مَكْتُوْبٌ<br>tulisan | كَاتِبٌ<br>penulis | كِتَابَةً<br>penulisan | يَكْتُبُ<br>sedang menulis | كَتَبَ<br>telah menulis |
| مِدْخَلٌ<br>Alat untuk memasukkan sesuatu | مَدْخَلٌ<br>masa masuk | مَدْخَلٌ<br>Tempat masuk | لاَ تَدْخُلْ<br>Jangan masuk | أُدْخُلْ<br>masuklah | مَدْخُوْلٌ<br>sesuatu yang dimasukan | دَاخِلٌ<br>orang yang memasukkan | دُخُوْلاً<br>kemasukan | يَدْخُلُ<br>sedang masuk | دَخَلَ<br>telah masuk |
| مِخْرَجٌ<br>Alat untuk mengeluarkan sesuatu | مَخْرَجٌ<br>masa keluar | مَخْرَجٌ<br>Tempat keluar | لاَ تَخْرُجْ<br>Jangan keluar | أُخْرُجْ<br>keluarlah | مَخْرُوْجٌ<br>sesuatu yang dikeluarkan | خَارِجٌ<br>orang yang mengeluarkan | خُرُوْجاً<br>keluaran | يَخْرُجُ<br>sedang keluar | خَرَجَ<br>telah keluar |
| – | مَقْعَدٌ<br>masa duduk | مَقْعَدٌ<br>kerusi | لاَ تَقْعُدْ<br>Jangan duduk | أُقْعُدْ<br>duduklah | – | قَاعِدٌ<br>orang yang duduk | قُعُوْداً<br>kedudukan | يَقْعُدُ<br>sedang duduk | قَعَدَ<br>telah duduk |

[1] Perubahan bentuk kata dalam bahasa arab terbahagi kepada 35 bab *tasrif*. **Enam** bab daripada 35 bab *tasrif* ini adalah untuk ***thulathi mujarrad*** *(kata kerja tiga huruf tanpa sebarang huruf tambahan*/imbuhan*)*

# تصريف (١٤)

## تصريف الفعل الماضي (فَعَلَ)

| متكلم<br>Ganti nama diri pertama (L/P) | | مخاطبة<br>Ganti nama diri ke 2 (P) | | | مخاطب<br>Ganti nama diri ke 2 (L) | | | غائبة<br>Ganti nama diri ke 3 (P) | | | غائب<br>Ganti nama diri ke 3 (L) | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| (١٤)<br>نَحْنُ<br>Kami | (١٣)<br>أَنَا<br>saya | (١٢)<br>أَنْتُنَّ<br>Kamu ramai | (١١)<br>أَنْتُمَا<br>Kamu berdua | (١٠)<br>أَنْتِ<br>Kamu (P) | (٩)<br>أَنْتُمْ<br>Kamu ramai | (٨)<br>أَنْتُمَا<br>Kamu berdua | (٧)<br>أَنْتَ<br>Kamu (L) | (٦)<br>هُنَّ<br>Mereka ramai | (٥)<br>هُمَا<br>Mereka berdua | (٤)<br>هِيَ<br>Dia (P) | (٣)<br>هُمْ<br>Mereka ramai | (٢)<br>هُمَا<br>Mereka berdua | (١)<br>هُوَ<br>dia (L) |
| فَعَلْنَا | فَعَلْتُ | فَعَلْتُنَّ | فَعَلْتُمَا | فَعَلْتِ | فَعَلْتُمْ | فَعَلْتُمَا | فَعَلْتَ | فَعَلْنَ | فَعَلَتَا | فَعَلَتْ | فَعَلُوْا | فَعَلَا | فَعَلَ |
| نَصَرْنَا<br>kami telah menolong | نَصَرْتُ<br>menolong saya telah | نَصَرْتُنَّ<br>Kamu semua (P) telah menolong | نَصَرْتُمَا<br>Kamu berdua (P) telah menolong | نَصَرْتِ<br>Kamu (P) telah menolong | نَصَرْتُمْ<br>Kamu semua (L) telah menolong | نَصَرْتُمَا<br>Kamu berdua (L) telah menolong | نَصَرْتَ<br>Kamu (L) telah menolong | نَصَرْنَ<br>Mereka semua (P) telah menolong | نَصَرَتَا<br>Mereka berdua (P) telah menolong | نَصَرَتْ<br>Dia (P) telah menolong | نَصَرُوْا<br>Mereka semua (L) telah menolong | نَصَرَا<br>Mereka berdua (L) telah menolong | نَصَرَ<br>Dia (L) telah menolong |
| كَتَبْنَا<br>kami telah menulis | كَتَبْتُ<br>saya telah menulis | كَتَبْتُنَّ<br>Kamu semua (P) telah menulis | كَتَبْتُمَا<br>Kamu berdua (P) telah menulis | كَتَبْتِ<br>Kamu (P) telah menulis | كَتَبْتُمْ<br>Kamu semua (L) telah menulis | كَتَبْتُمَا<br>Kamu berdua (L) telah menulis | كَتَبْتَ<br>Kamu (L) telah menulis | كَتَبْنَ<br>Mereka semua (P) telah menulis | كَتَبَتَا<br>Mereka berdua (P) telah menulis | كَتَبَتْ<br>Dia (P) telah menulis | كَتَبُوْا<br>Mereka semua (L) telah menulis | كَتَبَا<br>Mereka berdua (L) telah menulis | كَتَبَ<br>Dia (L) telah menulis |

**Tips mahir tasrif** :

1) **Huruf berwarna merah** menunjukkan perubahan domir (ganti nama) sama ada gantinama diri pertama, kedua dan ketiga.
2) kenal pasti huruf-huruf yang **berwarna merah.**
3) Padankan setiap perkataan dengan menambahkan huruf-huruf **berwarna merah** itu.

# تصريف (١٤)

## تصريف الفعل المضارع (يَفْعُلُ)

| (١٤) نَحْنُ kami | (١٣) أَنَا saya | (١٢) أَنْتُنَّ Kamu ramai | (١١) أَنْتُمَا Kamu berdua | (١٠) أَنْتِ Kamu (P) | (٩) أَنْتُمْ Kamu ramai | (٨) أَنْتُمَا Kamu berdua | (٧) أَنْتَ Kamu (L) | (٦) هُنَّ Mereka ramai | (٥) هُمَا Mereka berdua | (٤) هِيَ Dia (P) | (٣) هُمْ Mereka ramai | (٢) هُمَا Mereka berdua | (١) هُوَ dia (L) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| نَفْعُلُ | أَفْعُلُ | تَفْعُلْنَ | تَفْعُلاَنِ | تَفْعُلِيْنَ | تَفْعُلُوْنَ | تَفْعُلاَنِ | تَفْعُلُ | يَفْعُلْنَ | تَفْعُلاَنِ | تَفْعُلُ | يَفْعُلُوْنَ | يَفْعُلاَنِ | يَفْعُلُ |
| نَنْصُرُ kami sedang menolong | أَنْصُرُ saya sedang menolong | تَنْصُرْنَ Kamu semua (P) sedang menolong | تَنْصُرَانِ Kamu berdua (P) sedang menolong | تَنْصُرِيْنَ Kamu (P) sedang menolong | تَنْصُرُوْنَ Kamu semua (L) sedang menolong | تَنْصُرَانِ Kamu berdua (L) sedang menolong | تَنْصُرُ Kamu (L) sedang menolong | يَنْصُرْنَ Mereka semua (P) sedang menolong | تَنْصُرَانِ Mereka berdua (P) sedang menolong | تَنْصُرُ Dia (P) sedang menolong | يَنْصُرُوْنَ Mereka semua (L) sedang menolong | يَنْصُرَانِ Mereka berdua (L) sedang menolong | يَنْصُرُ Dia (L) sedang menolong |
| نَكْتُبُ kami sedang menulis | أَكْتُبُ saya sedang menulis | تَكْتُبْنَ Kamu semua (P) sedang menulis | تَكْتُبَانِ Kamu berdua (P) sedang menulis | تَكْتُبِيْنَ Kamu (P) sedang menulis | تَكْتُبُوْنَ Kamu semua (L) sedang menulis | تَكْتُبَانِ Kamu berdua (L) sedang menulis | تَكْتُبُ Kamu (L) sedang menulis | يَكْتُبْنَ Mereka semua (P) sedang menulis | تَكْتُبَانِ Mereka berdua (P) sedang menulis | تَكْتُبُ Dia (P) sedang menulis | يَكْتُبُوْنَ Mereka semua (L) telah menulis | يَكْتُبَانِ Mereka berdua (L) telah menulis | يَكْتُبُ Dia (L) telah menulis |

**Tips mahir tasrif** :

1) Bagi **feel mudori’** penambahan huruf di awal dan akhir perkataan**.**
2) **Huruf berwarna merah** menunjukkan perubahan domir (ganti nama) sama ada gantinama diri pertama, kedua dan ketiga.
3) kenal pasti huruf-huruf yang **berwarna merah.**
4) Padankan setiap perkataan dengan menambahkan huruf-huruf **berwarna merah** itu

# تَصْرِيف (٦)

## تَصْرِيفُ فِعْلِ الأَمْرِ (أُفْعُلْ)

| أَنْتُنَّ | أَنْتُمَا | أَنْتِ | أَنْتُنَّ | أَنْتُمَا | أَنْتَ |
|---|---|---|---|---|---|
| أُفْعُلْنَ | أُفْعُلَا | أُفْعُلِي | أُفْعُلُوْا | أُفْعُلَا | أُفْعُلْ |
| أُنْصُرْنَ<br>Kamu semua (P) tolonglah | أُنْصُرَا<br>Kamu berdua (P) tolonglah | أُنْصُرِيْ<br>Kamu (P) tolonglah | أُنْصُرُوْا<br>Kamu semua (L) tolonglah | أُنْصُرَا<br>Kamu berdua (L) tolonglah | أُنْصُرْ<br>Kamu (L) tolonglah |
| أُكْتُبْنَ<br>Kamu semua (P) tulislah | أُكْتُبَا<br>Kamu berdua (P) tulislah | أُكْتُبِيْ<br>Kamu (P) tulislah | أُكْتُبُوْا<br>Kamu semua (L) tulislah | أُكْتُبَا<br>Kamu berdua (L) tulislah | أُكْتُبْ<br>Kamu (L) tulislah |

**Tips mahir tasrif** :

1) Bagi **feel Amr** penambahan huruf di awal dan akhir perkataan**.**
2) **Huruf berwarna merah** menunjukkan perubahan domir (ganti nama) sama ada gantinama diri pertama, kedua dan ketiga.
3) kenal pasti huruf-huruf yang **berwarna merah.**
4) Padankan setiap perkataan dengan menambahkan huruf-huruf **berwarna merah** itu

## فَعَلَ – يَفْعُلُ – اُفْعُلْ

## التمرين (١)

### تصريف الفعل الماضي (فَعَلَ)

| هُوَ | هُمَا | هُمْ | هِيَ | هُمَا | هُنَّ | أَنْتَ | أَنْتُمَا | أَنْتُنَّ | أَنْتِ | أَنْتُمَا | أَنْتُنَّ | أَنَا | نَحْنُ |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| دَخَلَ | | | | | | | | | | | | | |
| خَرَجَ | | | | | | | | | | | | | |
| قَعَدَ | | | | | | | | | | | | | |

### تصريف الفعل المضارع (يَفْعُلُ)

| هُوَ | هُمَا | هُمْ | هِيَ | هُمَا | هُنَّ | أَنْتَ | أَنْتُمَا | أَنْتُنَّ | أَنْتِ | أَنْتُمَا | أَنْتُنَّ | أَنَا | نَحْنُ |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| يَدْخُلُ | | | | | | | | | | | | | |
| يَخْرُجُ | | | | | | | | | | | | | |
| يَقْعُدُ | | | | | | | | | | | | | |

### تصريف فعل الأمر (اُفْعُلْ)

| أَنْتَ | أَنْتُمَا | أَنْتُنَّ | أَنْتِ | أَنْتُمَا | أَنْتُنَّ |
|---|---|---|---|---|---|
| اُدْخُلْ | | | | | |
| اُخْرُجْ | | | | | |
| اُقْعُدْ | | | | | |